

Penduduk dakwa belum dapat kunci

SEGAMBUT 16 Jun – Antara undang-undang dan perikemanusiaan. Yang mana harus diutamakan?

Terlalu sukar untuk memilih, namun situasi inilah yang berlaku ke atas baki 17 keluarga di kawasan perumahan Jinjang Selatan Tambahan di sini semalam.

Setelah tempoh yang diberikan kepada penduduk berpindah keluar daripada kediaman masing-masing berakhir Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akhirnya menjalan-

kan tugas-tugas merobohkan 15 unit rumah lagi yang membolehkan projek pembangunan jalan yang telah tertunda beberapa lama dilakukan.

Operasi bersejarah dijalankan dalam suasana tegang kerana beberapa penduduk yang enggan berpindah sanggup membahayakan diri dengan mengunci diri dalam rumah. Ada juga yang menjadi 'benteng' di hadapan pagar rumah bagi menghalang kerja meroboh rumah mereka.



SUSIL RAJ SINNIAH

Tindakan mereka ini cukup menyukarkan pihak DBKL sehingga berlaku pertengkaran dan terjadi kekasaran antara kedua-dua pihak.

Seorang wanita yang hanya mahu dikenali sebagai Ng, 65, mendakwa rambutnya telah ditarik ketika dia cuba untuk menghalang pihak DBKL memasuki kawasan rumahnya.

"Sehingga hari ini, saya tidak mendapat kunci rumah baru yang dijanjikan oleh DBKL,

"Oleh sebab itu, saya bimbang jika rumah saya dirobohkan dan saya tidak mendapat rumah baru kerana tiada kunci, di mana saya akan tinggal?"

"Malangnya mereka (DBKL) telah bertindak kasar dengan menarik rambut saya lalu menolak saya jauh daripada pagar rumah sebelum memasuki rumah dan mengeluarkan semua barang-barang saya," katanya kepada media.

Sementara itu, **Susil Raj Sinniah**, 38,

berkata penduduk telah dipaksa menandatangani surat persetujuan untuk berpindah.

"Mereka diancam bakal tidak mendapat sebarang pampasan jika tidak menurunkan tandatangan sebagai tanda persetujuan mereka.

"Ramai yang khuatir dengan ancaman tersebut telah menandatangani surat tersebut," kata Susil.

Selain itu, tambahnya, penduduk juga mempertikaikan surat daripada DBKL kepada penduduk yang menamakan kawasan mereka sebagai setinggan Kampung Benteng Segambut.

"Rumah kami ini terletak di Kampung Jinjang Selatan Tambahan. Sepatutnya DBKL merobohkan kawasan yang dinamakan di atas surat dan bukannya kawasan kami ini.

"Kawasan perumahan ini juga bukan merupakan kawasan setinggan. Kerajaan Selangor sendiri telah memberi kebenaran untuk penduduk mendirikan rumah 40 tahun dahulu," katanya.



SITI Z KASIM

Setelah itu, wakil daripada Biro Bantuan Kemanusiaan Majlis Peguam Kuala Lumpur pula berkata, penduduk seharusnya melaporkan perkara tersebut lebih awal kepada pihaknya.

"Mungkin agak terlambat untuk menyelamatkan rumah mereka daripada diroboh, namun pihak kami akan cuba sedaya upaya membantu mereka bagi mendapatkan hak mereka (ganti rugi)," katanya kepada media.

Menurut Siti lagi, berdasarkan surat rayuan yang ditulis kepada

Perdana Menteri (bertarikh 28 Mei 2009) dan dakwaan penduduk, mereka dipaksa untuk menandatangani surat persetujuan untuk berpindah pada 7 Mei lalu oleh DBKL.

"Kami akan melakukan penyiasatan terperinci mengenai hal ini.

"Jika benar seperti yang didakwa penduduk, kami akan cuba membantu mereka mendapat pampasan yang sewajarnya daripada DBKL.